

Unsur tradisi: wujud ratusan tahun sebelum perlembagaan diwujudkan pada tahun 1957

UNSUR-UNSUR TRADISI DALAM PERLEMBAGAAN NEGARA 1948-1963

ISL M9: Menghasilkan peta minda tentang unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan negara 1948-1963.

Pemerintahan beraja

- Telah wujud dalam sistem sosial di setiap negeri Melayu
- Raja mempunyai kuasa mutlak dalam setiap pemerintahan dan pentadbiran negeri dengan dibantu oleh pembesar-pembesar yang dilantik
- Institusi beraja terus dikekalkan selepas merdeka di bawah konsep raja berperlembagaan selaras dengan sistem demokrasi

Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak

- Termaktub dalam Perkara 153
- Hak istimewa meliputi jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, pendidikan, perniagaan dan kemudahan khas yang lain

Agama persekutuan

- Agama Islam (Termaktub dalam Perkara 3 (1))
- Setiap orang mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya
- Setiap agama mempunyai hak untuk menguruskan hal ehwal agamanya sendiri, menubuhkan dan menyelenggara institusi bagi maksud agama atau khairat, memperoleh dan memiliki harta benda serta memegang dan mentadbirnya mengikut undang-undang

Bahasa Kebangsaan

- Bahasa Melayu (untuk maksud rasmi)
- Disentuh dalam Perlembagaan melalui Perkara 152
- Tetap melindungi bahasa-bahasa lain
- Memperuntukkan tiada siapa boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (selain maksud rasmi) atau mengajar atau belajar bahasa lain
- Menstabilkan sistem politik negara
- Prasyarat dan permuafakatan yang diterima oleh orang Melayu dan bukan Melayu
- Hak istimewa orang Melayu, Islam sebagai agama persekutuan dan bahasa Melayu diterima sebagai bahasa Kebangsaan sebagai prasyarat penerimaan hak kewarganegaraan oleh etnik bukan Melayu

- Mewujudkan identiti Malaysia
- Memupuk persefahaman ke arah perpaduan
- Satu kontrak sosial yang telah dipersetujui
- Telah wujud beratus tahun sebelum perlembagaan digubal

KEPENTINGAN UNSUR-UNSUR TRADISI
PERANAN UNSUR TRADISI

UNSUR-UNSUR TRADISI